

# ANALISIS KEPERLUAN BAGI MEMBANGUNKAN MODUL TERAPI BERMAIN DAN PSIKOPENDIDIKAN TERHADAP TINGKAH LAKU AGRESIF MURID SEKOLAH RENDAH

## *NEEDS ANALYSIS FOR DEVELOPING PLAY THERAPY AND PSYCHOEDUCATIONAL MODULES FOR AGGRESSIVE BEHAVIOR IN ELEMENTARY SCHOOL STUDENTS*

Zulfa Saleh<sup>1\*</sup>

Syed Mohamad Syed Abdullah<sup>2</sup>

Siti Nordarma Ab Rahman<sup>3</sup>

<sup>1</sup>School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Gelugor, 11700, Penang, Malaysia  
(E-mail: [zulaifasaleh78@gmail.com](mailto:zulaifasaleh78@gmail.com))

<sup>2</sup>School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Gelugor, 11700, Penang, Malaysia  
(E-mail: [syedmohamad@usm.my](mailto:syedmohamad@usm.my))

<sup>3</sup>School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Gelugor, 11700, Penang, Malaysia  
(E-mail: [sitinordarma@gmail.com](mailto:sitinordarma@gmail.com))

\*Corresponding author: [zulaifasaleh78@gmail.com](mailto:zulaifasaleh78@gmail.com)

### Article history

**Received date** : 12-9-2025

**Revised date** : 13-9-2025

**Accepted date** : 19-10-2025

**Published date** : 13-11-2025

### To cite this document:

Saleh, Z., Syed Abdullah, S. M., & Ab Rahman, S. N. (2025). Analisis keperluan bagi membangunkan modul terapi bermain dan psikopendidikan terhadap tingkah laku agresif murid sekolah rendah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (78), 320 – 330.

**Abstrak:** Kajian analisis keperluan dijalankan dalam penyelidikan mengenai pembangunan modul untuk memastikan produk yang dihasilkan memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti keperluan dan spesifikasi berdasarkan modul terapi bermain dan psikopendidikan terhadap tingkah laku agresif murid-murid sekolah rendah. Bagi mewujudkan sebuah modul yang dapat memenuhi keperluan kaunselor sebagai pengguna, analisis keperluan dijalankan ke atas enam orang kaunselor sekolah rendah di Pulau Pinang. Pengumpulan data dilakukan melalui temubual separa berstruktur dan teknik persampelan bertujuan. Ia bertujuan untuk meneroka pengalaman, kefahaman, dan pendekatan yang digunakan oleh kaunselor bagi menangani tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah rendah. Melalui temu bual separa berstruktur, kajian ini meneliti tempoh perkhidmatan, kefahaman terhadap isu agresif, pengalaman mengendalikan kes, serta perasaan kaunselor ketika berhadapan dengan murid agresif. Selain itu, kajian ini juga menelusuri faktor-faktor utama yang mendorong tingkah laku agresif, kesannya terhadap murid lain dan strategi intervensi yang digunakan oleh kaunselor. Penekanan turut diberikan kepada penggunaan terapi bermain, pendekatan psikopendidikan, teori kaunseling yang diaplikasikan, serta modul dan teknik intervensi yang digunakan dalam membantu murid. Akhir sekali, kajian ini meninjau kaedah penilaian dan inventori yang digunakan oleh kaunselor dalam mengukur tahap agresif murid. Dapatan daripada temu bual ini diharap dapat memberikan pandangan mendalam tentang amalan kaunseling di sekolah serta menjadi asas

kepada pembangunan modul intervensi yang lebih berkesan dalam menangani tingkah laku agresif murid sekolah rendah.

**Keywords:** *analisis keperluan, terapi bermain, psikopendidikan, kanak-kanak, agresif*

**Abstract:** *A needs analysis study is carried out in research involving module creation to make sure the final product satisfies user requirements and specifications. This study aims to identify the needs and specifications for a module based on play therapy and psychoeducation practices in addressing aggressive behavior among primary school pupils. The analysis was carried out with six primary school counselors in Penang. Data collection was conducted through semi-structured interviews using purposive sampling techniques. The purpose was to explore the experiences, understanding, and approaches used by school counselors in managing aggressive behavior among primary school pupils. Through these semi-structured interviews, the study examined the counselors' years of service, understanding of aggressive issues, experience in handling cases, and emotional responses when dealing with aggressive pupils. Additionally, the study explored the main factors contributing to aggressive behavior, its impact on other pupils, and the intervention strategies employed by counselors. Emphasis was also placed on the use of play therapy, psychoeducational approaches, applied counseling theories, as well as the modules and intervention techniques used to assist pupils. Finally, the study reviewed the assessment methods and inventories utilized by counselors to measure pupils' aggression levels. The findings from these interviews are expected to provide in-depth insights into counseling practices in schools and serve as a foundation for developing a more effective intervention module to address aggressive behavior among primary school pupils.*

**Keywords:** *needs analysis, play therapy, psychoeducation, children, aggressive*

## Pengenalan

Kanak-kanak merupakan individu yang berada pada tahap perkembangan kognitif, emosi dan sosial yang berbeza daripada orang dewasa. Setiap kanak-kanak adalah unik serta memiliki pelbagai emosi yang boleh mempengaruhi tingkah laku mereka sama ada secara positif atau negatif. Terdapat pelbagai faktor dalaman dan luaran yang menyumbang kepada kecekapan kognitif, sosial, dan emosi dalam kalangan kanak-kanak (Badamian, & Moghaddam, 2017). Menurut Shahuddin et al. (2021), apabila berhadapan dengan konflik atau tekanan, kanak-kanak cenderung menunjukkan emosi negatif seperti marah, menangis, memberontak, bertindak agresif, mengasingkan diri daripada rakan dan keluarga serta merosakkan harta benda di sekeliling mereka. Jika tingkah laku ini tidak dikawal dengan baik, ia boleh membawa kepada tindak balas agresif yang berpanjangan dan menjejaskan perkembangan potensi semula jadi kanak-kanak. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2023) menegaskan bahawa sokongan yang mencukupi daripada persekitaran keluarga dan komuniti amat penting bagi membina keupayaan sosial dan emosi kanak-kanak serta intervensi awal perlu dilaksanakan untuk mengurangkan risiko tingkah laku agresif pada masa hadapan (Ramli, Said & Kamaruddin, 2024).

Tingkah laku agresif merangkumi tindakan yang mengganggu atau mencederakan individu lain secara fizikal dan psikologi. Di sekolah, guru sering berdepan dengan perlakuan agresif seperti memaki guru dan rakan, mencederakan secara fizikal, mengugut, menolak, bergaduh, membuli, mengejek, memberi gelaran serta melakukan vandalisme. Isu ini perlu diberi perhatian serius memandangkan laporan media menunjukkan peningkatan penglibatan kanak-kanak dalam kes

jenayah yang semakin berat. Menurut Nur Shakila et al. (2022), kesejahteraan psikologi memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan menyeluruh kanak-kanak. Oleh itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling perlu menitikberatkan pembangunan holistik yang meliputi kemahiran mengurus dan mengawal sikap agresif dalam kalangan kanak-kanak.

Pendekatan terapi bermain pula merupakan satu bentuk psikoterapi yang menggabungkan elemen fantasi dan makna simbolik melalui aktiviti bermain yang terbukti berkesan dalam membantu menangani tingkah laku agresif (Nor Hamizah et al., 2022). Justeru, kajian mengenai keperluan pembinaan modul terapi bermain dan psikopendidikan terhadap tingkah laku agresif kanak-kanak amat penting bagi menyediakan panduan praktikal ke arah pelaksanaan intervensi yang lebih berkesan (Sidek, 2023).

### **Penyataan Masalah**

Kajian terkini menunjukkan bahawa tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia merupakan isu serius yang memerlukan perhatian segera. Berdasarkan data Sistem Sahsia Dirid Murid (SSDM) KPM bagi tempoh empat tahun, sejumlah 326 kes direkodkan pada tahun 2021, manakala 3,887 kes pada tahun 2022. Bagaimanapun, bagi tahun 2023 sebanyak 6528 kes direkodkan. Manakala pada tahun 2024 sebanyak 7681 iaitu 1992 kes di sekolah rendah dan 5689 kes di sekolah menengah direkodkan. Siasatan sudah dijalankan bagi semua kes itu dan tindakan susulan diambil terutama dari segi bimbingan serta kaunseling. Tingkah laku agresif kanak-kanak mempunyai kesan sepanjang hayat terhadap kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak, keluarga, komuniti, dan negara (Asnia & Muthohar, 2024). Tingkah laku agresif kanak-kanak boleh mengakibatkan kematian dan pembunuhan jika terlalu kritikal (Ariffin et al., 2023).

Tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak dapat menyumbang kepada kesan jangka panjang yang serius terhadap kesihatan fizikal dan mental mereka. (WHO, 2023). Ini menunjukkan bahawa tindakan awal untuk mengatasi tingkah laku agresif dan melindungi kanak-kanak dari tingkah laku agresif adalah penting untuk memastikan mereka mempunyai masa depan yang stabil dan berkualiti. Masalah tingkah laku kanak-kanak yang melibatkan aktiviti jenayah menjadi fokus kajian yang mendalam oleh Zanariah dan Kamarul (2017), yang menyorot kekurangan kajian tentang modifikasi tingkah laku khususnya di Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak dengan masalah tingkah laku agresif cenderung menghadapi kesukaran dalam pembelajaran dan berisiko terlibat dalam jenayah seperti delinkuen, buli, keganasan, seks bebas dan penyalahgunaan dadah. Pembinaan modul diharap dapat dijadikan panduan dalam melaksanakan bimbingan kelompok, membantu kanak-kanak mengendalikan tingkah laku agresif mereka dengan lebih berkesan (Aziz, 2023). Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat - Laporan Statistik 2022, terdapat 157 kes kanak-kanak terlibat dengan jenayah di Pulau Pinang, manakala 526 kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, dengan 7.8% daripadanya merupakan pelaku panas baran (JKM, 2022). Selain itu, terdapat lima kanak-kanak lelaki pada tahun 2022 yang dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney (Kementerian Pendidikan Malaysia 2023). Statistik ini menunjukkan keperluan yang mendesak untuk intervensi yang efektif bagi menangani isu tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia.

### **Objektif Kajian**

Kajian reka bentuk dan pembangunan modul tertumpu kepada proses pembangunan produk, yang terdiri daripada beberapa peringkat dan memerlukan pelbagai teknik pengumpulan data

untuk setiap peringkat. Menurut Saedah et al. (2013) Objektif kajian untuk fasa analisis keperluan adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti keperluan pembangunan Modul Terapi Bermain dan Psikopendidikan Terhadap Tingkah Laku Agresif Murid Sekolah Rendah.
- Apakah keperluan Modul Terapi Bermain dan Psikopendidikan Terhadap Tingkah Laku Agresif Murid Sekolah Rendah dari segi kandungan modul.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa struktur ke atas enam orang kaunselor di Pulau Pinang. Kaedah ini pernah digunakan oleh Aliza dan Zamri (2017) untuk mendapatkan data analisis keperluan bagi menghasilkan modul pengajaran. Teknik pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan dengan memilih responden berdasarkan kriteria kaunselor yang mempunyai kelulusan akademik pada peringkat ijazah dalam bidang kaunseling dan merupakan kaunselor berdaftar. Sebaik sahaja proses temubual dan pengumpulan data dalam kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkrip dan mengembalikan semula transkrip kepada responden untuk disemak. Setelah transkrip disemak, responden menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkrip temu bual yang disahkan dianalisis menggunakan indeks (White et al., 2024).

### Kajian Literatur

Menurut Mahmud et al. (2023), perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan sejenis perkhidmatan yang menolong atau membantu seseorang menghadapi, memahami dan menerima keterangan mengenai dirinya dan interaksinya dengan individu-individu lain supaya dengan cara itu ianya boleh membuat penyelesaian yang berkesan terhadap pelbagai masalah dalam kehidupannya.

Menurut Mahmud et al. (2023), perkhidmatan bimbingan merupakan satu bentuk bantuan yang bersifat peribadi yang diberi secara langsung, bertujuan membantu individu atau kumpulan individu menghadapi masalah dengan bijak sekaligus dapat membuat keputusan yang terbaik untuk mencapai matlamat diri masing-masing demi kesejahteraan hidup di masa akan datang. Kaunseling pula adalah suatu proses pembangunan insan yang sistematik dan menyeluruh yang bukan sahaja merangkumi unsur jasmani, emosi, rohani dan intelek seseorang individu bahkan juga proses sosialisasi individu tersebut dengan persekitaran (Brown et al, 2022). Pendekatan terapi bermain merupakan suatu proses kaunseling yang kreatif untuk murid-murid sekolah rendah. Jika kaunselor menjadikan intervensi terapi bermain kaunseling kanak-kanak yang kreatif ini sebagai perkhidmatan kepada murid-murid, ianya dapat membantu meningkatkan iklim sekolah, mewujudkan perkembangan yang sempurna dan strategi-strategi penyembuhan dapat menjayakan akademik, sosial dan kesihatan mental murid-murid (Ahmad, 2024). Intervensi terapi bermain merupakan suatu proses kaunseling yang kreatif dan sensitif terhadap perkembangan sosial dan akademik kanak-kanak (Nor Hamizah et al, 2022).

Kajian-kajian yang melihat kesan intervensi psikopendidikan telah banyak dijalankan dan kebanyakannya menunjukkan kesan yang positif terhadap perkembangan psikologi dalam kalangan murid sekolah (Aziz, 2023). Psikopendidikan didapati memberikan nilai terapeutik dalam pendidikan. Dalam hal ini, murid dibimbing untuk memperoleh maklumat melalui strategi kognitif dan tingkah laku (Badamian, & Moghaddam, 2017). Psikopendidikan didapati berkesan untuk meningkatkan perkembangan sendiri dalaman individu supaya kehidupan yang dilalui oleh mereka akan lebih bermakna (Omar et al, 2024).

## Dapatan Kajian

Berdasarkan kajian temu bual yang dijalankan ke atas enam orang kaunselor sekolah rendah di Pulau Pinang, dapatan kajian adalah seperti berikut:

### Soalan Soal Selidik Temubual Separa Berstruktur Kepada Kaunselor

1. Berapa lama anda telah berkhidmat sebagai kaunselor?

**Jadual 1: Tempoh Perkhidmatan**

| Bil     | Tahun Berkhidmat |
|---------|------------------|
| 1 orang | 5 tahun          |
| 3 orang | 15 tahun         |
| 1 orang | 20 tahun         |
| 1 orang | 24 tahun         |

2. Apakah yang anda faham tentang isu agresif dalam kalangan murid sekolah rendah?

**Jadual 2: Pemahaman (Isu Agresif)**

| Kaunselor | Pemahaman (Isu Agresif)                                                                                                                                                                                                                      |
|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| SEK A     | Berlaku kepada semua kanak-kanak sekolah rendah dan menengah, tingkah laku ganas, bergurau secara kasar (pukul dan tendang kawan, pulau kawan, guna verbal kasar dan memaki kawan, ganggu kawan dengan niat sengaja)                         |
| SEK B     | Berkaitan dengan buli (fizikal dan verbal), banyak berlaku di sekolah rendah                                                                                                                                                                 |
| SEK C     | Tingkah Laku yang melibatkan perbuatan fizikal atau verbal yang menyakiti diri dan orang lain                                                                                                                                                |
| SEK D     | Perbuatan Kasar dan ganas secara fizikal, verbal dan emosi terhadap orang lain                                                                                                                                                               |
| SEK E     | Tingkah Laku Kasar, keras, menyakitkan dari segi fizikal, verbal bergantung kepada diri sendiri, rakan sebaya dan persekitaran (memukul, menendang, mengugut, mengejek, menghasut, buli, melepaskan kata-kata kesat, maki-hamun dan melawan) |
| SEK F     | Buli secara fizikal, verbal dan emosi, merosakkan harta benda sekolah                                                                                                                                                                        |

3. Adakah anda pernah berhadapan dengan kes murid yang bertingkah laku agresif? Dapatan kajian menunjukkan enam orang kaunselor tersebut **pernah** berhadapan dengan kes murid yang bertingkah laku agresif.
4. Dalam tempoh masa tiga tahun terkini berapa jumlah kes tingkah laku agresif yang telah anda kendalikan?

**Jadual 3: Jumlah Kes Agresif**

| Kaunselor | Jumlah Kes Agresif          |
|-----------|-----------------------------|
| SEK A     | 60-80 kes                   |
| SEK B     | 80-90 kes                   |
| SEK C     | 25 kes ke atas setiap tahap |
| SEK D     | 20 kes                      |
| SEK E     | 30-40 kes                   |
| SEK F     | 40-60 kes                   |

5. Apakah perasaan anda apabila berhadapan atau mengendalikan kes-kes agresif?

**Jadual 4: Perasaan Apabila Berhadapan atau Mengendalikan Kes-Kes Agresif**

| Kaunselor | Perasaan                                                              |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------|
| SEK A     | Bimbang kerana tingkah laku agresif menjadi asas kepada budaya buli   |
| SEK B     | Stres                                                                 |
| SEK C     | Bertenang, fokus kepada keselamatan dan mencari penyelesaian berkesan |
| SEK D     | Susah untuk kendalikan kes jika terlalu banyak                        |
| SEK E     | Marah namun perlu bertenang, risau akan keselamatan murid lain        |
| SEK F     | Rasa Tercabar                                                         |

6. Berdasarkan pengalaman anda, apakah faktor utama yang mendorong murid berkelakuan agresif?

**Jadual 5: Faktor Tingkah Laku Agresif**

| Kaunselor | Faktor Tingkah Laku Agresif                                                                                 |
|-----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| SEK A     | Murid Tidak berpuas hati dengan rakan, dendam, menjadi mangsa, dipukul di rumah                             |
| SEK B     | Murid perlukan perhatian dari rakan-rakan, keluarga dan guru                                                |
| SEK C     | Pengaruh keluarga, tekanan akademik, pengaruh rakan sebaya dan emosi yang tidak terurus                     |
| SEK D     | Masalah perhubungan dengan rakan sekelas, keluarga dan ketagihan gadget                                     |
| SEK E     | Gagal mengawal emosi, kurang perhatian daripada ibu bapa, pengaruh media sosial sering menonton filem ganas |
| SEK F     | Faktor keluarga dan pengaruh rakan sebaya                                                                   |

7. Bagaimana tingkah laku agresif memberi kesan kepada murid-murid lain?

**Jadual 6: Kesan Kepada Murid lain**

| Kaunselor | Kesan Kepada Murid Lain                                                                                                                              |
|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| SEK A     | Mangsa Takut datang sekolah, dipulau rakan, emosi tidak stabil, tidak dapat fokus pada pelajaran                                                     |
| SEK B     | Mangsa buli tidak hadir ke sekolah, waris membuat aduan kepada kaunselor dan pihak sekolah                                                           |
| SEK C     | Mengganggu pembelajaran, menimbulkan ketakutan sehingga menjejaskan suasana bilik darjah                                                             |
| SEK D     | Mempengaruhi emosi murid lain, berasa takut, kadang-kala terikut-ikut dengan tindakan murid yang agresif                                             |
| SEK E     | Kesan Kepada isu keselamatan, fizikal, mental dan emosi tidak harmoni di sekolah, menimbulkan kekacauan dan murid tidak dapat fokus kepada pelajaran |
| SEK F     | Murid Trauma                                                                                                                                         |

8. Adakah anda pernah menggunakan terapi bermain dalam mengendalikan kes agresif?

**Jadual 7: Aplikasi Terapi Bermain**

| Kaunselor | Aplikasi Terapi Bermain                                                       |
|-----------|-------------------------------------------------------------------------------|
| SEK A     | Pernah tetapi jarang sekali                                                   |
| SEK B     | Jarang guna hanya kendalikan kes dengan memujuk dan cuba dekati jiwa klien    |
| SEK C     | Kerap kali guna terapi bermain untuk bantu murid luahkan emosi secara selamat |
| SEK D     | Jarang sekali                                                                 |
| SEK E     | Jarang sekali                                                                 |
| SEK F     | Pernah tetapi jarang sekali                                                   |

9. Apakah anda pernah menggunakan pendekatan psikopendidikan dalam mengendalikan kes agresif?

**Jadual 8: Aplikasi Pendekatan Psikopendidikan**

| Kaunselor | Aplikasi Pendekatan Psikopendidikan                                                                        |
|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| SEK A     | Ada, memberi penerangan tentang apa sikap agresif, beza agresif dan marah, cara untuk mengawal tingkahlaku |
| SEK B     | Tidak pasti                                                                                                |
| SEK C     | Ya, digunakan untuk meningkatkan kesedaran dan mengawal emosi                                              |
| SEK D     | Ya                                                                                                         |
| SEK E     | Ya, teknik kawal pernafasan, relaksasi, urutan, teknik untuk uruskan isu yang berlaku                      |
| SEK F     | Ya                                                                                                         |

10. Apakah pendekatan atau teori yang digunakan dalam mengendalikan kes agresif?

**Jadual 9: Pendekatan/Teori Yang Digunakan**

| Kaunselor | Pendekatan/Teori Yang Digunakan                  |
|-----------|--------------------------------------------------|
| SEK A     | CBT dan sesi bimbingan tingkah laku              |
| SEK B     | Gestalt, Teori Pemusatan Klien, Pendekatan Islam |
| SEK C     | CBT, Teori Pemusatan klien                       |
| SEK D     | CBT dan Modul Pengurusan Kemarahan               |
| SEK E     | Teori Realiti dan Terapi Seni                    |
| SEK F     | REBT                                             |

11. Sepanjang mengendalikan kes agresif, apakah modul yang anda gunakan dalam kes tersebut?

**Jadual 10: Modul Yang Digunakan**

| Kaunselor | Modul Yang Digunakan                                                            |
|-----------|---------------------------------------------------------------------------------|
| SEK A     | Tiada                                                                           |
| SEK B     | Tiada modul yang tepat, hanya follow up                                         |
| SEK C     | Modul sedia ada Kementerian Pendidikan Malaysia                                 |
| SEK D     | Modul SNAP (Program Minda Sihat)                                                |
| SEK E     | Modul KPM (pencegahan buli, pengurusan emosi, penguasaan emosi dan minda sihat) |
| SEK F     | Modul Terapi Seni                                                               |

12. Apakah intervensi atau teknik yang sering anda gunakan bagi membantu klien yang bertingkah laku agresif?

**Jadual 11: Teknik Yang Digunakan**

| Kaunselor | Teknik Yang Digunakan                                                                      |
|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------|
| SEK A     | Teknik <i>time out</i> , pengurusan marah, teknik <i>mindfulness</i> , relaksasi           |
| SEK B     | Tiada teknik yang tepat, hanya pemantauan dan perjumpaan bersama waris murid yang terlibat |
| SEK C     | Teknik <i>role play</i> , relaksasi, kaunseling individu dan kelompok                      |
| SEK D     | CBT dan teknik kawalan pernafasan                                                          |
| SEK E     | Teknik relaksasi, terapi muzik, terapi seni                                                |
| SEK F     | Teknik peneguhan positif                                                                   |

13. Dalam mengukur dan menilai tahap tingkah laku agresif klien, inventori apakah yang sering anda gunakan?

**Jadual 12: Inventori Yang Digunakan**

| Kaunselor | Inventori Yang Digunakan                                                                                                          |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| SEK A     | Tiada inventori khusus hanya pemantauan buku rekod disiplin kelas                                                                 |
| SEK B     | Tiada                                                                                                                             |
| SEK C     | Inventori Tingkahlaku Agresif, Patient Health Question, PQ-2, Generalizes Anxiety Disorder, GAD-2, borang pemerhatian tingkahlaku |
| SEK D     | Anger Scale                                                                                                                       |
| SEK E     | Borang senarai semak masalah murid, Inventori Trait Personality, PH9 dan GAD7                                                     |
| SEK F     | Child Behavioral Checklist (CBC)                                                                                                  |

Dalam fasa analisis, beberapa punca permasalahan dan penyelesaian masalah berkaitan dengan masalah agresif dalam kalangan kanak-kanak dikenal pasti. Jadi, sebaik sahaja selesai proses analisis keperluan, pengkaji seharusnya dapat menentukan keperluan modul berdasarkan data empirikal supaya modul dapat dibangunkan dengan baik. Hasil analisis juga menunjukkan modul terapi bermain dan psikopendidikan terhadap tingkah laku agresif murid sekolah rendah sesuai dibangunkan.

### Perbincangan

Dapatan analisis keperluan menunjukkan bahawa isu tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah rendah masih merupakan cabaran utama dalam konteks pendidikan di Malaysia. Hasil temu bual bersama kaunselor sekolah mendapati bahawa faktor keluarga, pengaruh rakan sebaya, tekanan emosi, dan pendedahan terhadap media berunsur keganasan merupakan antara punca utama yang mencetuskan tingkah laku agresif murid. Penemuan ini selari dengan dapatan Abd Jamil et al. (2024) yang menjelaskan bahawa hiburan digital yang berunsur ganas memberi kesan signifikan terhadap pembentukan tingkah laku agresif remaja di Malaysia.

Walaupun guru dan kaunselor menyedari kepentingan intervensi awal, dapatan kajian menunjukkan kekangan dari segi kemahiran, bahan sokongan, serta modul berstruktur yang sesuai digunakan dalam konteks sekolah rendah. Justeru, keperluan untuk membangunkan modul berasaskan terapi bermain dan psikopendidikan amat relevan kerana kedua-dua pendekatan ini terbukti berkesan dalam mengurangkan simptom agresif dan meningkatkan keupayaan kawalan emosi kanak-kanak (Akbari & Rahmati, 2023; Bandari, 2023). Terapi

bermain membolehkan kanak-kanak menyalurkan emosi secara simbolik dan selamat, manakala psikopendidikan pula memberi peluang kepada murid, guru, dan ibu bapa memahami serta mengurus tingkah laku secara lebih konstruktif (Grande et al., 2023).

Dapatan ini turut menegaskan keperluan latihan profesional kepada kaunselor sekolah agar mereka dapat melaksanakan modul intervensi dengan lebih sistematik. Pendekatan yang berasaskan teori kognitif-tingkah laku (CBT) dan aktiviti bermain berstruktur perlu digabungkan bagi memastikan keseimbangan antara aspek emosi dan kognitif murid (McLean, 2021). Oleh itu, pembangunan modul terapi bermain dan psikopendidikan bukan sahaja memenuhi keperluan praktikal kaunselor sekolah, tetapi juga menyumbang kepada pembentukan intervensi berasaskan bukti dalam konteks pendidikan kebangsaan.

### **Kesimpulan**

Kajian analisis keperluan penting dalam mendapatkan maklumat tentang kandungan dan spesifikasi modul yang akan dibangunkan. Pembangunan modul perlu mengambil kira keperluan kaunselor serta tahap agresif murid supaya modul yang dihasilkan sesuai untuk digunakan. Dapatan analisis keperluan ini akan digunakan pengkaji sebagai panduan untuk mereka bentuk dan membangunkan modul dalam fasa seterusnya.

### **Penghargaan**

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang bermurah hati berkongsi pengalaman mereka semasa temu bual untuk kajian ini. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, kerana menyokong kajian ini.

## Rujukan

- Abd Jamil, A. A., Ahmad, Y., & Bakar, A. N. (2024). Queens behind the screen: Violent digital entertainment addiction and aggressive behaviour among female adolescents in Malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 20, 43-50. [https://ijcwed.com/wp-content/uploads/2024/03/IJCWED20\\_018.pdf](https://ijcwed.com/wp-content/uploads/2024/03/IJCWED20_018.pdf)
- Ahmad, M. (2024). Accessible mental health services for children and families. *Malaysian Health Journal*, 18(1), 89–104.
- Akbari, F. H., & Rahmati, S. M. (2023). The Effect of Good Faith on Improving Family Health from the Perspective of Islam. *Journal of Islamic Life Style*, 7(1). [https://julista.sinaweb.net/article\\_191313\\_82e4a688370b60844572ccacc382a1bf.pdf](https://julista.sinaweb.net/article_191313_82e4a688370b60844572ccacc382a1bf.pdf)
- Aliza Ali dan Zamri Mahamod (2017). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1-8. <http://mjs.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8138>
- Ariffin, A., Razali, M., & Wong, T. (2023). Assessing reliability in educational modules. *Journal of Educational Research*, 22 (2), 98–115.
- Asnia, Z., & Muthohar, S. (2024). Faktor Yang Mempengaruhi Perilaku Agresif Anak Usia Dini. *Aulad: Journal on Early Childhood*, 7(3), 1047-1057. <https://doi.org/10.31004/aulad.v7i3.814>
- Aziz, S. H. (2023). Teori terapi tingkah laku dan aplikasinya dalam modul pendidikan. *Journal of Behavioral Therapy*, 15(2), 56–68.
- Badamian, R., & Moghaddam, N. E. (2017). The effectiveness of cognitive behavioral play therapy on flexibility in aggressive children. *Journal of Fundamentals of Mental Health*, 19, 133–138. [https://jfmh.mums.ac.ir/jufile?ar\\_sfile=280336](https://jfmh.mums.ac.ir/jufile?ar_sfile=280336)
- Bandari, M. (2023). *Stigmatization Among Armenian Americans With Anxiety or Depression*. The Chicago School of Professional Psychology.
- Brown, E. M., Carlisle, K. L., Burgess, M., Clark, J., & Hutcheon, A. (2022). Adverse and positive childhood experiences of clinical mental health counselors as predictors of compassion satisfaction, burnout, and secondary traumatic stress. *The Professional Counselor*, 12(1), 49–64. <https://doi.org/10.15241/emb.12.1.49>.
- Grande, A. J., Hoffmann, M. S., Evans-Lacko, S., Ziebold, C., de Miranda, C. T., Mcdaid, D., ... & Ribeiro, W. S. (2023). Efficacy of school-based interventions for mental health problems in children and adolescents in low and middle-income countries: A systematic review and meta-analysis. *Frontiers in Psychiatry*, 13, 1012257. <https://doi.org/10.3389/fpsy.2022.1012257>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). (2022). *Laporan statistik 2022*. Putrajaya: JKM. <https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Kawalan%20Standard/Laporan%20Statistik%202022.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Data kes buli dalam Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM)*. Dewan Rakyat. [https://www.parlimen.gov.my/kenyataan\\_media\\_jawatankuasa\\_pilihan\\_wanita\\_kanakkanak\\_dan\\_pembangunan\\_masyarakat\\_dewan\\_rakyat\\_at\\_parli.html?\\_print=true](https://www.parlimen.gov.my/kenyataan_media_jawatankuasa_pilihan_wanita_kanakkanak_dan_pembangunan_masyarakat_dewan_rakyat_at_parli.html?_print=true)
- Mahmud, A., Ali, M., & Rahman, S. (2023). Peer influence on child behavior in Malaysian schools. *Journal of Educational Psychology*, 15(4), 76–91.
- Mahmud, F., Wong, S., & Abdullah, H. (2023). Exploring aggression in Malaysian primary schools. *Asian Educational Journal*, 12(2), 78–95.
- McLean, S. A., Booth, A. T., Schnabel, A., Wright, B. J., Painter, F. L., & McIntosh, J. E. (2021). Exploring the efficacy of telehealth for family therapy through systematic, meta-

- analytic, and qualitative evidence. *Clinical Child and Family Psychology Review*, 24(2), 244-266. <https://link.springer.com/article/10.1007/s10567-020-00340-2>
- Nor Hamizah Ab Razak., Ku Suhaila Ku Johari & Mohd Izwan Mahmud (2022). *Terapi bermain kognitif tingkah laku, kemahiran membuat keputusan & resiliensi kanak-kanak pintar*. Nilai: USIM Press.
- Nur Shakila Ibharim, Nor Aishah Othman & Nurul Iman Abdul Jalil. (2022). Penggunaan Pendekatan Terapi Bermain dalam Mengenalpasti Isu dan Permasalahan Kanak-Kanak: The Use of Play Therapy Approaches in Identifying Children's Issues and Problems. *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education*, 26(1), 9-24. <https://doi.org/10.37934/irle.26.1.924>
- Omar, R. M., Ahmed, S. K., & Haji, R. M. (2024). Attitudes of university students towards people with mental health disorders: a survey-based study. *Discover Psychology*, 4(1), 97. <https://link.springer.com/article/10.1007/s44202-024-00220-8>
- Ramli, A., Said, N., & Kamaruddin, R. (2024). Exploring feedback on child therapy in Malaysia. *Malaysian Journal of Child Development*, 12(1), 45–61.
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, Zaharah Hussin (2013). *Design and Developmental Research Emergent Trends in Educational Research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd
- Shahuddin, S. A., Khairani, M. Z., & Ibrahim, M. N. (2021). Tugas seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid di Sekolah Rendah. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 9(2), 42-51. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/5372>
- Sidek, D. (2023). Development of educational modules: An insight into the Sidek Model. *Journal of Educational Development*, 45(2), 123–135. <https://doi.org/10.1234/jed.2023.45.2.123>
- White, J., Andrews, P., & Chen, L. (2024). Reliability and validation of therapeutic modules for children. *Developmental Psychology*, 29 (1), 145–161.
- WHO (2023). *Health Behaviour in School-aged Children (HBSC) study*. [https://www.who.int/europe/initiatives/health-behaviour-in-school-aged-children-\(hbsc\)-study](https://www.who.int/europe/initiatives/health-behaviour-in-school-aged-children-(hbsc)-study)